

STESEN ECRL DI KELANTAN DIJANGKA SIAP MENJELANG SUKU PERTAMA 2026
Lawatan kerja rasmi oleh YAB Menteri Besar Kelantan ke tapak stesen Pasir Puteh

Pasir Puteh, 17 April – Pembinaan dua stesen bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di negeri Kelantan, iaitu Stesen Kota Bharu dan Stesen Pasir Puteh, kini dijangka siap seperti yang dirancang menjelang Suku Pertama tahun 2026.

Secara keseluruhan, jajaran ECRL di Kelantan telah mencapai kemajuan pembinaan sebanyak 88.86 peratus setakat Mac 2025. Perkembangan ini sejajar dengan sasaran jadual penyiapan jajaran ECRL dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak iaitu pada Disember 2026 dan beroperasi bermula Januari 2027 serta menandakan pencapaian penting dalam pelaksanaan projek infrastruktur strategik ini di Pantai Timur.

Sempena perkembangan positif ini, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan, telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke tapak Stesen Pasir Puteh di Jalan Cherang Tuli bagi meninjau sendiri tahap kemajuan semasa pembinaan. Taklimat terperinci mengenai kemajuan dan pelaksanaan projek telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Dato' Sri Darwis Abdul Razak sepanjang lawatan tersebut.

Stesen Pasir Puteh yang melibatkan keluasan tapak seluas 16.98 hektar juga bakal menerapkan konsep reka bentuk yang unik dan bercirikan kebudayaan tempatan. Reka bentuknya diilhamkan daripada '**Tanjak Agong**', yang melambangkan simbol perpaduan dan kedaulatan negara. Unsur ini mencerminkan aspirasi nasional dalam projek infrastruktur strategik seperti ECRL. Dalam masa yang sama, reka bentuk stesen turut mengetengahkan seni dan budaya tradisional Kelantan melalui penggunaan motif tempatan dan elemen hiasan, sejajar dengan identiti negeri serta usaha memartabatkan warisan budaya di mata para pengunjung. Selain itu, Stesen Pasir Puteh ini akan dilengkapi dengan kemudahan seperti tempat letak kereta, lokasi *pick-up* dan *drop-off*, laluan pejalan kaki berbumbung serta pusat kitar semula.

Lawatan ini mencerminkan sokongan berterusan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap pembangunan prasarana berskala besar seperti ECRL yang membawa manfaat jangka panjang kepada rakyat, di samping memperkukuh hubungan antara pemimpin dan komuniti setempat.

Pada hari yang sama, YAB Menteri Besar Kelantan bersama pihak pengurusan MRL, selaku pemilik projek ECRL, turut meluangkan masa menghadiri jamuan makan bersama warga Madrasah Ihya' Ulumuddin di Selising, Pasir Puteh. Jamuan yang berlangsung dalam suasana penuh harmoni ini turut disertai oleh para pelajar, guru-guru serta penduduk setempat dalam menzahirkan semangat kebersamaan dan keakraban sempena bulan Syawal.

MRL merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan, yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik serta memainkan peranan penting dalam kelancaran pelaksanaan projek ECRL di negeri ini.

Jajaran ECRL di Kelantan merangkumi sepanjang 43.86 km dan melibatkan pembinaan dua stesen iaitu Stesen Kota Bharu di Bandar Baru Tunjung yang berfungsi untuk penumpang sahaja, dan Stesen Pasir Puteh di Jalan Cherang Tuli yang akan menampung perkhidmatan penumpang serta kargo.

-Tamat-

Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk pertanyaan media, sila hubungi: Yong Min Wei di (03-6411 5800 smbg. 5835 / mwyong@mrl.com.my) atau Ani Azureen Zainuddin di (smbg. 6122/ azureen@mrl.com.my) atau Puteri Hadeeja Sofea Hasbullah di (smbg. 6084 / hadeeja.sofea@mrl.com.my).